

Berita Minggu, Ahad, 20 September, 1981

Timbalan PM II: Usul tak munasabah

BATU PAHAT, Sabtu — Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Batu Pahat mensifatkan resolusi Pemuda MCA mendesak diwujudkan jawatan Timbalan Perdana Menteri kedua sebagai tidak munasabah.

Ketuanya, Encik Abu Bakar Mohd Dewa, menjelaskan, jika diterima desakan itu "penyakit" desak dan mendesak akan menular ke parti-parti lain, minta diwujudkan pula jawatan Timbalan Perdana Menteri ketiga, keempat dan seterusnya.

Menurut beliau pentadbiran pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tunggal

ternyata sudah cekap dan tidak perlu dibantu oleh seorang lagi Timbalan Perdana Menteri.

"Jika alasannya semata-mata untuk mencerminkan komposisi kaum, kenapa dari segi ini sahaja Pemuda MCA nampak, sedangkan banyak lagi hal lain tidak mahu dikemukakan.

"Sebagai contoh, dari segi kegiatan ekonomi MCA, ia langsung tidak mencerminkan komposisi kaum di negara ini," tambah beliau.

Menurut beliau, resolusi itu lebih berbentuk mementingkan diri sendiri dan bertentangan dengan kepentingan nasional.